

# **“KEBERGANTUNGAN KEPADA SUMBER MINYAK,” MAMPUKAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MEMPELBAGAIKAN EKONOMINYA<sup>1</sup>**

*(“DEPENDENCY ON OIL RESOURCES,” CAN  
BRUNEI DIVERSIFY ITS ECONOMY?)*

Hanizah Idris

## **Abstrak**

Brunei's economy is heavily dependent on exports of crude oil and natural gas which comprise 80 percent of the government revenue. The country's manufacturing sector is very small while a wide variety of items are imported. This explains why other sectors, including manufacture sector in Brunei are not developing. In many countries in Southeast Asia namely, Singapore, Malaysia, Thailand and Indonesia, manufacture sector plays a crucial role in their economic development. The first part of this article will discuss the economy development of Brunei in general which propelled by various development plans. The main focus of these plans is to diversify Brunei's economy away from heavily dependent on oil and natural gas as the primary source of revenue. Apart from that, the government has promoted Brunei as an investment destination in the process of diversifying the economy. Finally, the article will end by analyzing the future of Brunei which lies on the diversification of its economy.

*Keywords: Economy, export, diversification, development and revenue*

## **Pengenalan**

Sejak dua dekad yang lalu, kebanyakan negara Asia Tenggara seperti Singapura, Malaysia, Indonesia dan Thailand telah mengalami kadar purata pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Perubahan yang ketara dalam struktur ekonomi di kebanyakan negara Asia Tenggara yang telah beralih dari ekonomi yang berasaskan pertanian kepada perindustrian telah memberi kesan ke atas nilai eksport negara masing-masing. Jika dibandingkan dengan Singapura yang lebih kecil saiznya daripada Brunei dengan keluasan 660 kilometer persegi, mampu membangun dan mempelbagaikan ekonominya, manakala Brunei sehingga ke masa kini masih terus bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas aslinya semata-mata bagi menjana pembangunan negara. Para penganalisis ekonomi berpendapat bahawa tidak ada sesebuah negara yang akan terus bergantung kepada satu-satu

sumber ekonomi sahaja seperti minyak dan gas asli untuk jangka masa panjang kerana lama kelamaan sumber tersebut akan mengalami kemerosotan.

Oleh itu, bahagian pertama artikel ini membincangkan mengenai latar belakang pembangunan ekonomi Brunei yang bergantung kepada minyak dan gas termasuk kesan krisis ekonomi Asia serta masalah ekonomi yang dialami oleh Brunei, bahagian kedua membincangkan mengenai situasi ekonomi Brunei pada masa kini dan akhir sekali artikel ini membincangkan tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Brunei untuk memulihkan ekonominya serta langkah-langkah yang diambil untuk mempelbagaikan ekonominya dalam bidang-bidang tertentu termasuk pengangkutan dan telekomunikasi, pelancongan dan perindustrian menerusi pelan-pelan pembangunan yang telah dirancang.

### **Latar belakang Pembangunan Ekonomi Brunei**

Seperti kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara, pembentukan pelan-pelan pembangunan merupakan peneraju utama pembangunan ekonomi sesebuah negara. Pada tahun 1953, pelan pembangunan pertama bagi Brunei telah dibentuk bagi tempoh lima tahun bertujuan untuk membangunkan infrastruktur serta perkhidmatan-perkhidmatan asas bagi negara tersebut. Ini diikuti dengan pembentukan beberapa buah pelan pembangunan seterusnya iaitu pelan pembangunan kedua, 1962-1966 dan pelan pembangunan ketiga, 1975-1979. Sewaktu pelaksanaan pelan pembangunan ketiga ini telah memperlihatkan kebergantungan Brunei kepada sektor minyak dan gas asli yang mewakili 87.53 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding sektor-sektor lain seperti pertanian sebanyak 1.34 peratus, lain-lain hasil perlombongan dan pembuatan bukan berasaskan minyak sebanyak 0.95 peratus, pembinaan sebanyak 1.33 peratus dan pengangkutan dan komunikasi sebanyak 0.54 peratus.<sup>2</sup> Kenaikan harga minyak global yang melambung tinggi pada tahun-tahun 1970an telah memberi banyak keuntungan kepada negara-negara pengeluar minyak dunia termasuk Brunei. Pada tahun 1979, jumlah pengeluaran minyak di Brunei mencapai 95.2 juta tong bersamaan dengan 261,000 tong sehari.<sup>3</sup>

Akibat kebergantungan Brunei terhadap sektor minyak dan gas asli ini maka dalam pelan pembangunan keempat iaitu antara tahun 1980-1984, salah satu objektif utama yang ingin dicapai adalah untuk mempelbagaikan ekonomi dengan memajukan sektor pertanian serta sektor-sektor pembuatan lain yang bukan berasaskan industri minyak.

*“The achievement of the Fourth National Development Plan with respect to the real growth rate of the GDP was unsatisfactory. During the plan period, the GDP declined at the rate of 4.44 percent per annum. The main reason for this decline was not the lack of investment but the fall in oil prices and production.”<sup>4</sup>*

Ketidakstabilan harga minyak di peringkat global ternyata telah memberi kesan kepada negara-negara pengeluar minyak termasuk Brunei. Bagi Brunei keadaan menjadi bertambah buruk kerana walaupun terdapat peningkatan dalam

pelaburan dari sektor awam dan sektor swasta tetapi ternyata kebergantungan yang keterlaluan terhadap sektor minyak dan gas telah menyebabkan kemerosotan sumbangan sektor tersebut kepada pendapatan negara sehingga menyebabkan penurunan dalam KDNK. Oleh itu dalam pelan pembangunan Brunei Kelima antara tahun 1985-1990, aspek kepelbagaian ekonomi terus menjadi strategi utama dalam agenda pembangunan Brunei.

Di bawah pelan pembangunan kelima, seperti kebanyakan negara-negara Asia Tenggara yang lain, antara matlamat utama adalah perubahan struktur ekonomi daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian termasuk mempromosikan penggantian import serta membangunkan industri yang berasaskan eksport. Walau bagaimanapun bagi Brunei tidak dijelaskan secara terperinci bagaimana strategi tersebut akan dicapai walaupun terdapat sasaran yang diberi misalnya dalam sektor pertanian di mana Brunei menasaskan sebanyak 30 peratus dalam pengeluaran sendiri hasil pertanian pada tahun 1990.<sup>5</sup>

Dalam pelan-pelan pembangunan seterusnya iaitu pelan pembangunan keenam, antara tahun 1991-1995, Ke tujuh antara tahun 1996-2000 dan kelapan antara tahun 2001-2005, strategi untuk mempelbagaikan ekonomi masih menjadi agenda utama bagi kerajaan Brunei. Misalnya dalam pelan pembangunan Kelapan, kerajaan Brunei telah menasaskan beberapa sektor yang perlu diberi penumpuan untuk menjana ekonomi negara termasuklah perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan kewangan, pelancongan dan hospitaliti serta pengangkutan dan logistik. Sejak tahun 2000, ekonomi Brunei telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan disebabkan oleh harga minyak mentah dan gas asli dunia yang tinggi. Walaupun Brunei merupakan negara pengeluar minyak ketiga terbesar di Asia Tenggara dengan purata pengeluaran sebanyak 193,832 tong sehari pada tahun 2007, namun ia merupakan satu penurunan berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah pengeluaran sebanyak 219,258 tong sehari seperti yang dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan jumlah pengeluaran dan eksport gas dan petroleum serta penggunaan tempatan antara tahun 2001-2007. Sehingga ke hari ini, ekonomi Brunei amat bergantung kepada eksport minyak mentah dan gas aslinya.<sup>6</sup> Berdasarkan Jadual 1 tersebut, jumlah pengeluaran petroleum dan gas telah mengalami peningkatan yang stabil antara tahun 2001 hingga 2006 sebelum mengalami sedikit penurunan pada tahun 2007. Manakala jumlah eksport kedua-dua komoditi tersebut juga telah menunjukkan peningkatan yang stabil antara tahun 2001 hingga 2006.

Sejak kebelakangan ini kadar pertumbuhan ekonomi Brunei telah merosot. Pada tahun 2007, Brunei mengalami kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.6 peratus iaitu kadar pertumbuhan yang terendah di kalangan negara-negara ASEAN. Kadar pertumbuhan ini dijangka meningkat pada kadar antara 2 hingga 2.5 peratus pada tahun 2008 dan 2009.<sup>7</sup> Harga petroleum yang melambung tinggi pada tahun 2008 sudah tentu memberi kesan positif ke atas pertumbuhan ekonomi Brunei. Walau bagaimanapun kenaikan harga minyak mentah yang melambung tinggi ini juga boleh bertindak sebagai serampang dua mata. Misalnya Amerika Syarikat serta negara-negara pengeluar minyak yang lain telah mula merasakan impak yang negatif ke atas pertumbuhan ekonomi mereka akibat kenaikan harga minyak mentah yang melambung tinggi tersebut.<sup>8</sup>

**Jadual 1: Jumlah Pengeluaran dan Eksport Gas dan Petroleum Serta Jumlah Penggunaan Domestik, 2001-2007**

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007#
<b>Pengeluaran</b>							
Petroleum ('000 tong/sehari)	195	203	207	206	201	219	197
Gas asli (MMBtu/sehari)	1,133	1,143	1,236	1,214	1,191	1,259	1,195
<b>Eksport</b>							
Petroleum ('000 tong/sehari)	189	199	199	196	193	206	-
LNG (MMBtu/Sehari)	948,803	965,799	1.01mm	1.00mm	977,397	1.03mm	-
<b>Harga</b>							
Minyak (US\$/setong)	24.67	24.82	30.52	41.72	57.72	69.44	-
LNG (US\$/MMbtu)	4.4137	4.1745	4,5451	4.9110	5.6723	5,9131	-
<b>Penggunaan Domestik</b>							
Mogas Diesel, Jet A-1, lain-lain ('000 tong)	3,281	3,493	3,617	3,691	3,818	3,996	-
Gas (MMscf/sehari)	145	145	146	162	167	167	-

Sumber: Jabatan Pembangunan dan Perancangan Ekonomi, *Brunei Darussalam Key Indicators 2001-2006*.

Ketidaktentuan ekonomi global pada tahun 2009 ini menyukarkan lagi pembangunan ekonomi Brunei yang masih terus bergantung kepada hasil eksport petroleum. Kejatuhan ekonomi di Amerika Syarikat dan Jepun turut menjejaskan ekonomi Brunei kerana kedua-dua buah negara ini merupakan rakan dagang utama Brunei. Ini ditambah lagi dengan kejatuhan harga minyak yang semakin rendah sudah tentu akan memberi kesan ke atas keseluruhan hasil pendapatan Brunei.<sup>9</sup>

Di samping itu Brunei juga merupakan negara pengeksport gas asli (LNG) kesembilan terbesar di dunia.<sup>10</sup> 80 peratus daripada gas asli Brunei dieksport ke Jepun dan Korea Selatan seperti yang dapat dilihat pada Jadual 2. Berdasarkan Jadual 2 tersebut tiga buah destinasi eksport petroleum utama dari Brunei adalah Thailand, Australia, dan Korea. Dalam Jadual 2 tersebut dapat dilihat juga bahawa jumlah eksport petroleum ke Indonesia telah menunjukkan peningkatan yang mendadak antara tahun 2002 hingga 2006 iaitu dari 2 peratus ke 33 peratus. Di bawah kontrak selama 20 tahun dengan negara Jepun yang berakhir pada tahun 1993, Brunei mengeksport 5 juta tan gas asli setiap tahun dan di bawah perjanjian baru, sebanyak 5.5 juta tan gas asli setahun akan dieksport ke Jepun sehingga tahun 2013.<sup>11</sup> Sementara itu, sektor pembuatan di Brunei adalah sangat kecil, oleh itu sebahagian besar daripada hasil barangan di Brunei adalah diimport termasuk dari Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat dan China.

**Jadual 2: Destinasi Eksport petroleum dan gas asli (% pembahagian), 2002-06**

	2002	2003	2004	2005	2006
<b>Petroleum</b>					
Jumlah (B\$ juta)	3,140	3,759	4,913	6,536	4,197
Australia	18	17	20	15	17
China	13	14	7	6	5
Indonesia	2	5	11	30	33
Jepun	12	12	13	13	8
Korea	14	16	15	16	17
Thailand	25	19	12	4	3
USA	11	8	6	8	7
Lain-lain	5	9	16	8	10
<b>Gas Asli</b>					
Jumlah (B\$juta)	2,604	2,964	2,564	2,983	1,462
Jepun	87	91	88	92	86
Korea	11	9	12	8	14
Lain-lain	2	–	–	–	–

Sumber: *Brunei Darussalam Key Indicators 2002-2006*, Jabatan Statistik, Laporan Pembangunan dan Perancangan Ekonomi

Industri petroleum di Brunei didominasi oleh *Brunei Shell Petroleum* (BSP). BSP merupakan syarikat kerjasama dengan *Royal Dutch/Shell* yang masing-masing memiliki 50-50 peratus kepentingan dalam syarikat tersebut. Syarikat tersebut juga turut mengendalikan satu-satunya industri pemrosesan minyak di Brunei. BSP memperoleh bekalan minyak dari tujuh buah telaga minyak yang terdapat di Brunei. Antaranya termasuklah *Champion* yang mempunyai 40 peratus daripada simpanan minyak Brunei, Barat daya Ampa yang merupakan kawasan perlombongan gas asli tertua di Brunei, *Fairley, Fairley –Baram, Gannet, Gannet* dan *Iron Duke*. BSP, *Brunei Liquefied Natural Gas* (BLNG), *Brunei Shell Marketing Company Sdn Bhd.* (BSM) dan *Brunei Shell Tankers* (BST) menyediakan peluang pekerjaan kepada sebahagian besar daripada penduduk Brunei selepas sektor kerajaan. Pada tahun 2001, kerajaan Brunei telah menubuhkan sebuah syarikat petroleum pertama milik kerajaan sepenuhnya iaitu *Brunei National Petroleum Corporation* (BNPC). BNPC bertanggungjawab mentadbir aset di kawasan perlombongan yang telah ditentukan iaitu di Blok J, K, L dan M. Di kesemua kawasan tersebut BNPC telah menyerahkan kebenaran untuk melakukan eksplorasi kawasan-kawasan tersebut kepada pihak persendirian. Walau bagaimanapun BSP masih menguasai dan kekal sebagai pengeluar minyak dan gas asli utama di Brunei. Pada tahun 2003, BSP telah menandatangani perjanjian pertambahan perlombongan petroleum dengan pihak kerajaan selama 19 tahun sehingga akhir tahun 2022.

Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-1998 yang membawa kepada kejatuhan harga minyak di pasaran global telah memberi kesan yang buruk ke atas ekonomi Brunei. Pada tahun 1998 Brunei telah mengalami kejatuhan dalam harga minyak mentah dan gas asli sebanyak 37 peratus dan 25 peratus dengan jumlah

pengeluaran merosot antara 15,000 hingga 16,000 tong sehari. Ini menyebabkan sumbangan minyak dan gas asli kepada pendapatan negara juga merosot.

“As a consequence of revenue shortfalls and economic malaise, the growth of real GDP in 1998 was only around 1%, compared to 3.5 % in 1996 and 4% in 1997. The budget balance in 1998 registered a estimated 6% of GDP, which led the government to corporatize some government agencies and private some projects”.<sup>12</sup>

Keadaan kewangan Brunei semakin buruk ekoran peristiwa skandal syarikat *Amedeo Development Corporation* pada tahun 1998 yang dimiliki oleh adinda bongsu kepada Sultan, Putera Jefri yang juga Menteri Kewangan Brunei serta Ketua Agensi Pelaburan Brunei yang telah menyebabkan kerugian wang pelaburan sebanyak \$28 juta.<sup>13</sup> Dalam masa yang sama kerajaan Brunei yang sedang berusaha untuk mempelbagaikan ekonominya pada tahun 1999-2000 terpaksa menanggunghkan perlaksanaan tersebut dan sebaliknya terpaksa memberi tumpuan untuk memulihkan ekonominya serta mengembalikan kepercayaan pelabur akibat kerugian tersebut. Sebanyak US\$6.2 bilion telah disuntik oleh Agensi Pelaburan Brunei (BIA) ke dalam Amedeo manakala hanya 10 peratus daripada BIA telah digunakan untuk pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan Stesen Jana Kuasa Barakas, Menara telekomunikasi serta sekolah antarabangsa yang sebenarnya tidak mencipta peluang pekerjaan kepada penduduknya dan mempertingkatkan kemahiran mereka.<sup>14</sup>

Pada tahun 2001, sebuah syarikat milik kerajaan iaitu *Global Evergreen*, telah menyelesaikan segala hutang yang dimiliki oleh syarikat Amedeo serta mengambil alih beberapa projek untuk diteruskan. Ini membawa kepada penubuhan Badan Pembangunan Ekonomi Brunei (BEDB) yang bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi-polisi kerajaan serta untuk menggalakkan lebih ramai pelabur tempatan di samping menarik pelabur-pelabur asing untuk mempelbagaikan ekonomi Brunei.

“In January 2003, the BEDB launched its two-pronged strategy, which it aims to attract US\$4.5 billion in foreign direct investment and create 6,000 permanent new jobs by 2008. The BEDB also recognizes that it is imperative for Brunei to develop its small and medium enterprise (SMEs) in order to achieve sustained growth in private sector income and employment.”<sup>15</sup>

Usaha untuk mempelbagaikan ekonomi Brunei turut terkandung di dalam rancangan-rancangan pembangunan Brunei. Seperti kebanyakan negara Asia Tenggara yang lain, struktur pembangunan ekonomi Brunei adalah berlandaskan pelan-pelan pembangunan yang telah dirancang. Usaha untuk mempelbagaikan ekonomi Brunei telah dinyatakan di dalam Rancangan Pembangunan Brunei Kelima, antara tahun 1986 hingga tahun 1990. Ia bertujuan untuk memastikan ekonomi Brunei terjamin sekiranya negara tersebut berhadapan dengan kehabisan simpanan minyak mentah dan gas aslinya.<sup>16</sup> Dalam rancangan pembangunan tersebut tumpuan telah diberikan untuk membangunkan sektor pertanian di Brunei

supaya negara tersebut tidak lagi mengimport hasil pertanian dari luar. Ini disebabkan hampir 80 peratus daripada keperluan makanan bagi negara Brunei diimport.

Dalam Rancangan Pembangunan Brunei Ke Enam iaitu antara tahun 1991-1995, tumpuan telah diberikan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor-sektor persendirian, untuk mempromosi sumber tenaga manusia serta membangunkan sektor perindustrian. Dalam Rancangan Pembangunan Brunei tersebut sebahagian besar daripada kewangan telah diperuntukkan kepada perkhidmatan sosial iaitu sebanyak 29.3 peratus diikuti peruntukkan bagi utiliti, pengangkutan dan komunikasi sebanyak 20 peratus, sementara 10 peratus diperuntukkan kepada perdagangan dan industri dan 7 peratus lagi untuk keselamatan. Ini diikuti dengan Rancangan Pembangunan Brunei ke Tujuh antara tahun 1996 hingga tahun 2000 yang bertujuan untuk mempelbagaikan ekonomi melalui penglibatan sektor swasta. Walau bagaimanapun rancangan tersebut terpaksa ditangguhkan akibat skandal Syarikat Amedeo yang telah dibincangkan sebelum ini.

## **Situasi Ekonomi Brunei Mengikut Sektor**

### *Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan*

Pertanian dan perhutanan merupakan sektor terawal dibangunkan di Brunei sebelum kemunculan petroleum dan gas pada lewat tahun 1920 an di mana pada ketika itu 50 peratus daripada jumlah penduduk Brunei terlibat dalam sektor ini. Tetapi pada hari ini jumlah peratusan tenaga kerja dalam sektor tersebut telah turun dengan mendadak di bawah 3 peratus. Pada hari ini sektor pertanian Brunei adalah kecil dan mewakili kurang daripada 1 peratus daripada keluaran negara kasar pada tahun 2006. Ini disebabkan seperti yang telah dinyatakan bahawa sebelum ini di mana 80 peratus daripada bekalan makanan Brunei adalah diimport.

Manakala sektor perhutanan merupakan sektor paling tidak ekonomi di Brunei. Walau bagaimanapun hutan adalah penting bagi Brunei dalam usaha memulihara dan memelihara tanah, air, kehidupan liar dan alam sekitar di Brunei. Pembalakan pula dilakukan untuk kegunaan tempatan. Ini disebabkan Brunei mengenakan peraturan yang ketat ke atas import dan eksport kayu balak untuk memastikan bekalan diperolehi daripada pengusaha tempatan serta untuk memulihara alam sekitar.

Perikanan merupakan sektor yang berpotensi untuk dimajukan. Seperti negara-negara berpantai yang lain, kawasan perairan Brunei juga telah mengalami pertambahan Zon Ekonomi Eksklusif sebanyak 200 batu nautika dari pantai. Jumlah tangkapan ikan di Brunei pada tahun 2006 adalah sebanyak kira-kira 17,000 tan. Oleh itu Brunei telah menyasarkan jumlah tangkapan ikan sebanyak 20,000 tan setahun dan sedang berusaha ke arah industri akuakultur yang telah menghasilkan sebanyak 540 tan pada tahun 2006.

### *Sektor Pembuatan dan Pembinaan*

Pertumbuhan sektor pembuatan di Brunei semakin merosot dari 3.2 peratus pada tahun 2002 kepada 1.1 peratus pada tahun 2006. Ini menunjukkan bahawa sektor pembuatan di Brunei semakin tidak berkembang. Antara industri yang terdapat di



Brunei termasuklah industri pengeluaran simen, pakaian serta pengeluaran struktur konkrit. Industri pembuatan pakaian merupakan komoditi eksport ketiga utama selepas petroleum dan gas asli. Industri ini dibangunkan sempena perjanjian di bawah sistem kota antarabangsa di bawah terma-terma *Multi-Fibre Agreement* (MFA). Walau bagaimanapun tempoh perjanjian yang tamat pada tahun 2004 telah memberi kesan ke atas jumlah pendapatan eksportnya iaitu dari B\$303.4 juta pada tahun 2005 kepada B\$100.3 juta pada tahun 2006. Dalam masa yang sama, industri pembuatan Brunei terpaksa bersaing dengan China dan India yang telah lama membangunkan industri tersebut. Ini menyebabkan masa depan industri tersebut menjadi semakin tidak menentu. Selain daripada industri pembuatan pakaian, industri pemprosesan hasil perikanan juga semakin berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini di mana hasil pengeluaran telah menunjukkan peningkatan dari 479 tan pada tahun 2004 kepada 867 tan pada tahun 2006.

Dalam usaha untuk membangunkan sektor perindustrian di Brunei, beberapa estet perindustrian telah dibangunkan termasuk kawasan seluas 40 hektar di Bandar Seri Begawan dan *Beribi Light Industrial Complex* yang menyediakan perusahaan seperti tekstil, makanan dan elektrik. Dengan tertubuhnya *Brunei Industrial Development Authority* (BINA), badan tersebut bertanggungjawab dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk pembangunan industri, mentadbir kawasan-kawasan perindustrian di Brunei serta memberi nasihat kepada pelabur-pelabur yang hendak membuat pelaburan dalam sektor perindustrian.

Sektor pembinaan mewakili 2.9 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2006 berbanding dengan 3.7 peratus pada tahun 2002. Ini disebabkan sektor tersebut telah terjejas teruk akibat krisis kewangan yang dialami oleh Brunei akibat skandal Amadeo pada tahun 1998 yang telah membuat pelaburan yang tidak terkawal dalam sektor pembinaan. Kesannya, pihak kerajaan terpaksa memikirkan projek-projek baru bagi memulihkan semula sektor ini termasuk pembinaan 27 hektar kawasan taman perindustrian di Sungai Liang pada awal tahun 2007.

## **Sektor Perkhidmatan**

### **Kewangan dan Telekomunikasi**

Sektor perkhidmatan di Brunei telah mengalami penurunan sebanyak 8 peratus dari segi perkongsiannya dalam peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu dari 22 peratus pada tahun 2002 kepada 15 peratus pada tahun 2006. Antara komponen utama dalam sektor perkhidmatan di Brunei termasuklah sektor pengangkutan, komunikasi dan perniagaan. Pada tahun 2000 kerajaan Brunei telah menubuhkan *Brunei International Financial Centre* (BIFC) untuk mempelbagaikan perkhidmatan kewangan di Brunei serta untuk menjadikan Brunei sebagai sebuah pusat perdagangan dan perbankan utama di rantau Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan kewangan konvensional dan Islam. Dari segi perkhidmatan telekomunikasi pula, Brunei merupakan antara negara yang dapat menyediakan perkhidmatan telekomunikasi terbaik di Asia. Antara tahun 2001 hingga 2006 Kerajaan Brunei telah melakukan penstrukturan semula ke atas industri ICT supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.



## Pengangkutan

Sehingga ke hari ini sektor pengangkutan di Brunei masih belum memberi keuntungan sebenar kepada ekonomi negara. Sektor pengangkutan di Brunei meliputi sektor pengangkutan darat, udara dan maritim. Brunei mempunyai sebuah lapangan terbang antarabangsa yang terletak di Bandar Seri Begawan yang memiliki kapasiti pengendalian 1.5 juta penumpang dan 50,000 tan kargo setahun. Pada tahun 2006, terdapat sebanyak 11.9 ribu pergerakan pesawat di lapangan terbang tersebut yang menghubungkan Brunei dengan 21 buah Bandar di 12 buah negara seluruh dunia. Seperti negara-negara lain Brunei turut mengamalkan dasar udara terbuka atau "open skies policy." Pengangkutan udara kebangsaan bagi Brunei adalah *Royal Brunei Airlines* yang ditubuhkan pada tahun 1974 yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Brunei.

Dari segi pengangkutan maritim dan pelabuhan, Brunei mempunyai tiga buah pelabuhan yang berlainan fungsinya iaitu pelabuhan Kuala Belait, pelabuhan Muara dan sebuah pelabuhan penumpang. Pelabuhan Kuala Belait merupakan sebuah pelabuhan komersial yang terletak di bahagian barat Negara Brunei Darussalam. Pelabuhan ini juga terletak di kawasan perlombongan gas asli di Rasau. Dari segi infrastruktur, pelabuhan ini mempunyai sebuah stesen *bunkering* yang dikenali sebagai *Kuala Belait Bunkering Station* (KBBS). Bekalan gas untuk kegunaan domestik disalurkan dari KBBS ini ke Bandar-bandar di Brunei. Terdapat juga sebuah dermaga di mana kapal-kapal kecil boleh berlabuh di pelabuhan ini.

Selain daripada pelabuhan Kuala Belait, Brunei mempunyai sebuah pelabuhan laut dalam iaitu pelabuhan Muara. Pelabuhan ini terletak kira-kira 29 km dari Bandar Seri Begawan dan sedang mengalami pembangunan pesat bagi merealisasikan matlamat Brunei untuk menjadikan pelabuhan tersebut sebagai *shipping hub* bagi kawasan kerjasama Brunei, Indonesia, Filipina dan Malaysia atau lebih dikenali sebagai BIMF-EAGA. Pelabuhan ini telah memulakan operasi secara komersial pada tahun 1973 dan telah menjadi sebuah Jabatan Pelabuhan pada tahun 1974. Pada 1 Januari 1986, Jabatan Pelabuhan telah mengambil alih kesemua pentadbiran dan operasi pelabuhan-pelabuhan di Brunei dari Jabatan Kastam Diraja. Pelabuhan ini mempunyai sebuah terminal kontena yang dikenali sebagai *Muara Container Terminal* (MCT). Di bawah perjanjian selama 25 tahun, Lembaga Pelabuhan Singapura atau PSA telah bekerjasama dengan sebuah syarikat tempatan dalam menguruskan terminal kontena tersebut. Walau bagaimanapun pada bulan April 2007, PSA telah menamatkan kontrak perjanjian selama 25 tahun tersebut selepas hanya menguruskan MCT selama enam tahun sahaja.<sup>17</sup>

Sejak penubuhannya pada tahun 1963, pelabuhan Muara telah mengalami pembangunan pesat termasuk pertambahan dari segi saiz dermaga serta tempat penyimpanan kargo. Pelabuhan Muara juga mempunyai sebuah terminal konvensional yang memiliki *multi purpose berth* sepanjang 611 meter yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada kapal-kapal yang membawa kargo konvensional dan kapal *roll-on/roll-off car carriers* berlabuh di pelabuhan tersebut. Sejak tahun 2004, jumlah kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan Muara telah melebihi 100,000 TEUs (twenty-foot equivalent units) setahun. Setakat ini pelabuhan Muara mempunyai kapasiti sehingga 350,000 TEUs setahun. Walau bagaimanapun pelabuhan Muara dilaporkan telah mencapai had dari segi pembinaan infrastruktur pelabuhan dan untuk membina sebuah pelabuhan baru

Brunei terpaksa akur kepada perkembangan semasa dari segi pembangunan pelabuhan yang memerlukan pelabuhan yang lebih luas dan dalam dengan teknologi serta peralatan moden bagi membolehkan kapal-kapal bersaiz besar melebihi 12,000 TEUs berlabuh di pelabuhannya.

Sementara itu perkapalan di Brunei didominasi oleh kapal-kapal asing. Menurut Jabatan Marin daripada 69 buah kapal yang mendaftar pada tahun 2006 hanya 8 buah kapal daripadanya dimiliki oleh kerajaan Brunei. Brunei memiliki lapan buah kapal LNG yang beroperasi di peringkat antarabangsa sehingga ke Jepun, manakala kapal-kapal asing digunakan untuk mengangkut minyak mentah berdasarkan tempahan. Selain daripada itu Brunei mempunyai tiga buah kapal penumpang yang beroperasi antara Muara di Brunei dengan Labuan di Malaysia serta turut menyediakan perkhidmatan feri di antara Muara dengan Menumbok di Sabah, Malaysia.

### **Pelancongan**

Pelancongan telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor yang mampu menjadi penyumbang utama kepada eksport negara dalam sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun ia belum dapat dibangunkan sepenuhnya. Pada tahun 2001, Brunei telah memperkenalkan Tahun Melawat Brunei atau lebih dikenali sebagai *Visit Brunei Year* tetapi sektor tersebut terjejas akibat situasi global kesan daripada peristiwa serangan pengganas pada 11 September 2001. Oleh itu sektor pelancongan di Brunei serta negara-negara ASEAN yang lain turut terjejas di mana Brunei telah mengalami penurunan sebanyak 20 peratus dari segi ketibaan pelancong. Sebanyak 70 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong di Brunei adalah dari negara-negara ASEAN terutama Malaysia dan Singapura. Dalam masa yang sama, Brunei turut menerima ketibaan pelancong dari negara China. Pada tahun 2007 Brunei hanya menerima seramai 200,000 pelancong asing. Saiz negara tersebut yang kecil dan kekurangan kawasan-kawasan tarikan pelancong menyebabkan sektor ini sukar untuk dibangunkan. Walau bagaimanapun dengan pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh Brunei di bawah kerjasama BIMP-EAGA akan membantu mempertingkatkan lagi industri pelancongan di Brunei terutama dari segi infrastruktur yang akan memudahkan perjalanan, urusan perniagaan dan komunikasi di antara negara-negara yang terlibat.

### **Polisi Brunei dalam Mempelbagaikan Ekonomi**

Brunei merupakan negara ke enam yang mempunyai pendapatan tertinggi di Asia iaitu dari kumpulan 60 buah negara yang mempunyai pendapatan per kapita melebihi US11,116.<sup>18</sup> Walau bagaimanapun Brunei telah berusaha untuk mempelbagaikan ekonominya daripada bergantung sepenuhnya kepada perdagangan dan hasil pendapatan dari gas dan petroleum semata-mata. Usaha untuk mempelbagaikan ekonomi ini bukan sahaja bertujuan untuk menambahkan pendapatan tetapi juga untuk menyediakan peluang pekerjaan.

Usaha kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi serta mengurangkan pergantungan kepada sektor perlombongan minyak diteruskan dalam Rancangan Pembangunan Ke Lapan (2001-2005). Dalam Rancangan Pembangunan ini Brunei

telah memberi tumpuan untuk mempelbagaikan ekonominya dengan membangunkan bidang-bidang lain seperti bidang teknologi komunikasi, perkhidmatan kewangan, menjadi pusat makanan halal atau *halal hub*, membangunkan industri pelancongan serta membangunkan industri-industri lain yang berkaitan seperti industri petrokimia, pemprosesan minyak serta industri peleburan aluminium.<sup>19</sup>

Walau bagaimanapun menurut penganalisis ekonomi, ekonomi Brunei menjadi semakin bergantung kepada hasil pendapatan kedua-dua komoditi tersebut di mana pada tahun 2006, kedua-dua komoditi tersebut mewakili 2/3 daripada keluaran negara kasar negara manakala sektor bukan berasaskan petroleum dan gas terus mengalami kemerosotan dan tidak dibangunkan sehingga merosot dari 3 peratus ke 1 peratus daripada keluaran negara kasar sejak tahun 2002. Oleh itu, usaha kerajaan Brunei untuk mempelbagaikan ekonominya masih sukar untuk dicapai. Dalam masa yang sama dari segi jumlah pekerja asing di Brunei pada tahun 2004, pekerja asing mewakili 80 peratus daripada tenaga kerja di Brunei terutama dalam sektor pembuatan dan pembinaan.

Penswastaan ternyata telah banyak membantu kebanyakan negara di Asia Tenggara yang bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan. Tindakan ini juga telah dilakukan oleh Brunei iaitu sejurus selepas berakhirnya krisis kewangan Asia pada tahun 1998 di mana penswastaan dan pengkorporatan agensi-agensi kerajaan telah dilaksanakan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dasar kepelbagaian ekonomi memerlukan penglibatan pihak swasta namun dalam masa yang sama dasar atau polisi kerajaan yang sedia ada perlu diperkukuhkan seperti pelancaran program *Service Hub for Trade and Tourism* (SHUTT) yang merupakan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Brunei sebagai *gateway* ke Borneo dan BIMP-EAGA pada tahun 2003. Menerusi inisiatif ini pelbagai rancangan telah diadakan untuk mempertingkatkan pintu masuk ke negara tersebut seperti lapangan terbang dan pelabuhan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Selain daripada menaiktarafkan lapangan terbang serta pelabuhan Brunei, untuk merealisasikan program SHUTT tersebut usaha juga perlu dilakukan untuk mempertingkatkan jalan darat. Untuk itu pelaksanaan *Borneo Highway Project* perlu diteruskan pembinaannya.

## **Usaha Kerajaan Brunei Untuk Mempelbagaikan Ekonomi**

Walaupun strategi untuk mempelbagaikan ekonomi Brunei telah dinyatakan dalam pelan pembangunan Brunei Kelima namun hanya dalam pelan pembangunan Brunei Kelapan sahaja ia telah mula dilaksanakan dengan agresif melalui penubuhan agensi-agensi berkaitan. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini pada tahun 2001 kerajaan Brunei telah menubuhkan BEDB yang mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membangun dan memperkembangkan ekonomi Brunei sebagai sebuah pusat pelaburan. Untuk itu BEDB telah menyenaraikan lima sebab utama mengapa Brunei mampu menjadi pilihan utama pelabur iaitu pertama dari segi keamanan dan kestabilan politik, memiliki lokasi yang strategik dan boleh disingahi melalui mana-mana pintu masuk di Asia, kedua, cukai pendapatan

tidak dikenakan ke atas individu dan juga jenis-jenis cukai yang lain seperti cukai jualan juga tidak dikenakan sebaliknya para pelabur akan menikmati cuti cukai syarikat sehingga 20 tahun, ketiga penglibatan pelabur asing dalam ekuiti syarikat adalah fleksibel. Di dalam sesetengah kes terdapat 100 peratus pemilikan ekuiti asing.

Pada tahun 2003 BEDB telah memperkenalkan strategi serampang dua mata dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi di Brunei. Ia bertujuan untuk menarik pelaburan asing sebanyak US\$4.5 bilion serta mencipta 7,700 pelbagai peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2008. Strategi pertama melibatkan pembangunan di Sungai Liang untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan perindustrian bagi industri petrokimia dan industri pembuatan. Pada tahun 2004, BEDB telah mengumumkan bahawa ia telah memasuki peringkat terakhir perbincangan untuk menubuhkan pelan urea/ammonia yang bernilai US\$720 juta dan pelan metanol yang bernilai US\$350 juta.

Untuk memastikan Brunei berjaya dalam usahanya untuk mempelbagaikan ekonomi maka sebuah pelan jangka masa panjang telah dibentuk. Pembentukan pelan tersebut yang meliputi jangka masa selama 30 tahun, mengandungi tiga elemen utama iaitu pertama visi kebangsaan atau Wawasan 35, kedua garis panduan bagi pembangunan polisi dan strategi (OSPD) dan pelan pembangunan (2007-2012).

*“Wawasan Brunei 2035 aims to transform the country to be a nation that would be recognised for its highly educated, skilled and accomplished people, as measured by the highest international standards; for its quality of life; as well as for its dynamic and sustainable economy, aspiring to become the top 10 countries in the world in terms of per capita income.”<sup>20</sup>*

Untuk merealisasikan matlamat tersebut lapan strategi telah dikenal pasti meliputi pendidikan, ekonomi, keselamatan, pembangunan institusi, pembangunan perniagaan tempatan, pembangunan infrastruktur, keselamatan sosial dan strategi pembangunan alam sekitar. Kesemua strategi ini akan diperjelaskan lagi dalam proses pembentukan polisi pembangunan (OCPD) yang meliputi jangka masa 10 tahun. Oleh itu dalam jangka masa 30 tahun terdapat tiga OSPD iaitu pertama yang meliputi tempoh sehingga tahun 2017 serta mengandungi 50 polisi. Dalam masa tiga fasa pembangunan polisi tersebut terdapat enam pelan pembangunan sepanjang 30 tahun tersebut iaitu lima tahun bagi setiap pelan pembangunan tersebut.

## **Kesimpulan**

Melalui perbincangan di atas pembangunan ekonomi Brunei telah mengalami beberapa fasa pembangunan yang menuntut kepada usaha kerajaan untuk mempelbagaikan ekonominya. Sehingga ke hari ini ekonomi Brunei masih bergantung kepada sektor minyak dan gas asli walaupun strategi mempelbagaikan ekonomi telah digariskan dalam pelan-pelan pembangunan awalnya. Dalam usaha

untuk mempelbagaikan ekonomi, usaha-usaha yang lebih agresif perlu dilakukan oleh kerajaan Brunei untuk menarik pelaburan asing di samping melatih generasi muda dengan kepakaran dalam bidang teknologi demi menjamin pembangunan Brunei di masa akan datang. Dari segi pelaburan asing, Kerajaan Brunei mempunyai sebanyak 562 projek pelaburan di China dengan jumlah nilai pelaburan mencapai B\$405.359 juta. Krisis ekonomi global yang melanda dunia sejak tahun 2008 telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan terutama di rantau Asia Tenggara. Adalah dijangkakan bahawa Brunei akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang positif dari tahun 2009 dan tahun-tahun seterusnya disebabkan oleh usaha berterusan yang dilakukan untuk membangunkan industri pelancongan serta beberapa projek perindustrian lain yang berpotensi untuk dimajukan.

## Nota Hujung

---

<sup>1</sup> Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penemuan daripada penyelidikan dari peruntukan pinjaman jangka pendek 2008-2009 mengenai kajian perbandingan terhadap pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara.

<sup>2</sup> Sritua Arief, *The Brunei Economy*, (Australia: The Southeast Asia Research and Development Institute, 1986), hlm. 7.

<sup>3</sup> Pengiran Abdul Rahman Abas, "Brunei Development: The Way Ahead," kertas kerja dibentangkan pada The Sabah International Expo 2000, Kota Kinabalu, Sabah, 15 May, 2000, hlm. 1.

<sup>4</sup> Sritua Arief, *The Brunei Economy*, hlm. 22.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 24.

<sup>6</sup> Sejak penemuan kawasan perlombongan minyak di Seria pada tahun 1929, pengeluaran minyak Brunei telah mencapai sebanyak 115,000 tong sehari tetapi mengalami kemerosotan kepada 22,000 tong sehari pada tahun-tahun 1950 an sebelum meningkat semula kepada 240,000 tong sehari akibat harga minyak dunia yang melambung tinggi. Pada hari ini jumlah purata pengeluaran minyak Brunei adalah sebanyak 200,000 tong sehari.

<sup>7</sup> Deepak Nair and Lee Poh Onn (eds.), *Regional Outlook Southeast Asia 2008-2009*, (Singapore: ISEAS, 2008), hlm. 88.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Ian J. Storey & Lee Poh Onn, *Regional Outlook Southeast Asia 2009-2010*, (Singapore: ISEAS, 2009), hlm. 91.

<sup>10</sup> <http://www.traveldocs.com/bn/economy.htm>. hlm. 1.

<sup>11</sup> Pengiran Abdul Rahman Abas, "Brunei Development: The Way Ahead," hlm. 2.

<sup>12</sup> Geoffry C. Gunn, "Brunei", dalam Patrick Heenan & Michael Haas Fitzroy (eds.), *The Southeast Asia Handbook*, (London : Dearborn, 2001), hlm. 81.

<sup>13</sup> Brunei Darussalam-Economic Development, dalam <http://www.nationsencyclopedia.com/Asia-and-Oceania/Brunei-Darussalam-EKONOMI>, hlm. 1.

<sup>14</sup> Geoffry C. Gunn, "Brunei", hlm. 83.

<sup>15</sup> Brunei Darussalam-Economic Development Trade Policy Review, dalam <http://www.nationsencyclopedia.com/Asia-and-Oceania/Brunei-Darussalam-EKONOMI>, hlm. 20.

<sup>16</sup> Brunei menganggarkan simpanan minyak mentahnya sehingga 25 tahun manakala simpanan gas aslinya sehingga 40 tahun. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini pengeluaran minyak mentah Brunei telah mengalami penurunan. Ini telah membawa kepada pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mempelbagaikan ekonominya dengan membangunkan sector-sektor lain yang berpotensi untuk dimajukan seperti perkilangan, pertanian, pelancongan dan pelabuhan serta perkapalan.

<sup>17</sup> Pushpa Thambipillai, "Brunei Darussalam Making a Concerted Effort", dalam Daljit Singh & Tin Maung Maung Than (eds.), *Southeast Asian Affairs 2008*, (Singapore: ISEAS, 2008), hlm. 95.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Brunei Darussalam-Economic Development Trade Policy Review, dalam <http://www.nationsencyclopedia.com/Asia-and-Oceania/Brunei-Darussalam-EKONOMI>, hlm. 21.

<sup>20</sup> Brunei's Long-Term Development Plan Unveiled, dalam <http://www.brudirect.com/DailyInfo/News/Archive/July08/190708/nite01.htm>